

PARLIMEN-RASUAH - GULUNG

1962

KUALA LUMPUR, 19 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGASKAN BAHAWA BADAN PENCEGAH RASUAH (BPR) AKAN MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP SESIAPA JUGA YANG TERLIBAT DENGAN PERBUATAN RASUAH TANPA MENGIKIR +IKAN JERUNG ATAU IKAN BILIS+.

KATANYA TINDAKAN TETAP AKAN DIAMBIL JIKA DIDAPATI MEREKA MELAKUKAN PERBUATAN YANG BERTENTANGAN DENGAN UNDANG-UNDANG NEGARA.

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU DEMIKIAN DI DEWAN RAKYAT KETIKA MENGGULUNG PERBAHASAN MENGENAI RANG UNDANG-UNDANG BADAN PENCEGAH RASUAH YANG DILULUSKAN KEMUDIAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN SEJAK MERDEKA LAGI TELAH MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP TIGA ORANG MENTERI BESAR DAN MENYINGKIR -KAN SEORANG MENTERI KERAJAAN PUSAT YANG TERLIBAT DENGAN RASUAH.

KATANYA, BANYAK LAGI ANGGOTA KERAJAAN YANG TELAH DIDAKWA KERANA TERLIBAT DENGAN PERBUATAN TERSEBUT DEMI KEPENTINGAN NEGARA.

ADANYA DI ANTARA MEREKA YANG TELAH DIAMBIL TINDAKAN TETAPI MASIH AKTIF DI DALAM POLITIK MENUNJUKKAN BAHAWA KERAJAAN TETAP MENGAMBIL TINDAKAN WALAUPUN DARI GOLONGAN PARTI KERAJAAN, SENDIRI, TAMBAH BELIAU. -- BERSAMBUNG 1858/LK

B663

PARLIMEN - RASUAH - GULUNG 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN SUNGGUHPUN ADA MENTERI YANG SEOLAH-OLAH TERLIBAT KUAT DENGAN RASUAH TETAPI TIDAK DIAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG, TIDAK BERERTI MEREKA TIDAK DISELIDIK OLEH BPR.

BAGAIMANAPUN, BPR MEMERLUKAN KETERANGAN YANG JELAS TERHADAP SESUATU TUDUHAN RASUAH KERANA JIKA TIDAK SESUATU TINDAKAN ITU AKAN MENJADI SIA-SIA SAHAJA.

KERAJAAN PERLU BERHATI-HATI MENGAMBIL TINDAKAN KERANA JIKA SESEORANG ITU DIDAKWA TANPA KETERANGAN YANG JELAS MEREKA MUNGKIN MENGAMBIL TINDAKAN PULA KERANA NAMANYA TERCEMAR, JELAS BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA SEBALIKNYA JIKA SAH SESEORANG ITU MELAKUKAN RASUAH TETAPI TINDAKAN MAHKAMAH TIDAK DAPAT DIAMBIL KERANA TIADA KETERANGAN, KERAJAAN PERNAH MENGAMBIL TINDAKAN MENYINGKIRKAN SESEORANG PEGAWAI ITU DARI JAWATANNYA.

SEMENTARA ITU KERAJAAN PERLU BERHATI-HATI MENGGUNAKAN PUBLISITI SEBAGAI LANGKAH MEMBENTERAS RASUAH KERANA AKIBATNYA BOLEH MEROSAKKAN NAMA BAIK, IMEJ DAN MELEMAHKAN SEMANGAT SESEORANG PEGAWAI UNTUK BERKHIDMAT DENGAN KERAJAAN.

MENGENAI KUASA-KUASA PEGAWAI BPR, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SESEORANG PEGAWAI ITU DIBERI KUASA POLIS DAN PENDAKWA RAYA YANG CUKUP BAGI MENENTUKAN MEREKA EAPAT MENJALANKAN TUGAS DENGAN BERKESAN. -- BERSAMBUNG 10/MK

PARLIMEN - RASUAH - GULUNG 3 KUALA LUMPUR

GAJI MEREKA JUGA SENTIASA DIKAJI DARI MASA KE SEMASA DAN JIKA PERLU TINDAKAN AKAN DIAMBIL MEMBETULKANNYA SUPAYA SETIAP PEGAWAI BPR DAPAT BERTUGAS DENOAN LICIN.

DI SAMPING TU JUGA BPR EMPU YA CAWANGAN PE SELIE KA YANG MENJALANKAN KAJIAN MENGENAI RASUAH TERMASUK SEBAB-SEBAB BERLAKUNYA RASUAH KERANA PENKKAJIAN ADALAH JUGA TERMASUK DALAM BIDANG TUGASNYA.

DAUK SER E. MAHATHIR MENEGASKAN PENUKARAN NAMA BIRO SSIASATAN NEGARA (BSN) KEPADA BPR ADALAH PENTING DARI SEGI MENCERMINKAN TUGAS DAN MEMBERI KESAN DALAM MENENTUKAN KEGIATANNYA.

BELIAU MENOLAK DAKWAAN DATUK HAJI ABU BAKAR UMAR (PAS-KOTA SETAR) KONONNYA PENUKARAN NAMA DARI BSN KEPADA BPR TIDAK BERBEZA SEPERTI MENUKARKAN NAMA KANAK-KANAK YANG KENA SAKIT CACING.

BELIAU MENEGASKAN PENUKARAN NAMA ITU ADALAH PENTING KERANA NAMA BERMAKNA BESAR DAN MEMBERI GAMBARAN TERHADAP SESUATU.

+SEPERTI SEBUAH PARTI YANG NAMANYA ISLAM TETAPI APA YANG DIBUAT BERTENTANGAN DENGAN ISLAM ADALAH CONTOH YANG MENUNJUKKAN NAMA ITU PENTING.+ UJAR BELIAU DISAMBUT DENGAN TEPUKAN OLEH PENYOKONG-PENYOKONG KERAJAAN . -- BERSAMBUNG 1958/MK ms21

PARLIMEN - RASUAH - GULUNG 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERSETUJU DENGAN SYOR DATUK ABU BAKAR BAHAWA JIKA TIDAK MAHU ADANYA RASUAH, SESEORANG ITU HENDAKLAH ADA PERASAAN TAKUT KEPADA TUHAN.

BELIAU JUGA BERSETUJU DENGAN AHLI PAS ITU SUPAYA PEMBERI RASUAH JUGA DIKENAKAN TINDAKAN JIKA DIDAPATI BERSALAH ATAU TIDAK MEMBERI KERJASAMA DALAM SIASATAN KES BERKENAAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENOLAK DAKWAAN PIHAK PEMBANGKANG KONONNYA JANJI-JANJI YANG DIBUAT OLEH PIHAK KERAJAAN DALAM KEMPEN PILIHANRAYA SEBAGAI SATU RASUAH.

BELIAU MENERANGKAN BAHAWA APA YANG HENDAK DILAKSANAKAN OLEH PARTI PEMERINTAH APABILA MENANG PILIHANRAYA ADALAH MERUPAKAN MANIFESTO PARTI DAN BUKANNYA RASUAH.

KATANYA, JIKA MANIFESTO ITU DIANGGAP RASUAH, PARTI PEMBANGKANG JUGA MELAKUKAN RASUAH KERANA MENYURUH PENGUNDI MENGANCAM AKAN MENGUNDI PARTI PEMBANGKANG JIKA KERAJAAN TIDAK MEMBERIKAN PROJEK YANG MEREKA MINTA.

+PARTI PEMBANGKANGLAH YANG MENGGALAKKAN RASUAH KERANA MEREKA PERGI KE KAMPUNG-KAMPUNG MEMBERITAHU RAKYAT BUAT APA UNDI KERAJAAN, BUKAN KERAJAAN BOLEH BERI APA-APA, + TEGAS BELIAU. --- BERSAMBUNG 2010/MK

B669

PARLIMEN - RASUAH - GULUNG 5 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENERANGKAN, BAHAWA MAHKAMAH DIBERI KUASA MENGARAHKAN SUPAYA HARTA ORANG-ORANG YANG MENERIMA RASUAH DIRAMPAS.

MENGENAI ORANG-ORANG YANG MENYIMPAN WANG HASIL RASUAH DI LUAR NEGERI, BELIAU BERKATA ADALAH SUKAR BAGI KERAJAAN MENENTUKANNYA KERANA TIDAK MENDAPAT MAKLUMAT DARI BANK-BANK LUAR NEGERI KERANA KERAJAAN TIDAK BOLEH MEMAKSA MEREKA MEMBERI MAKLUMAT RAHSIA ITU.

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERKATA UNDANG-UNDANG PENCEGAH RASUAH ADALAH MELIPUTI JUGA TEMPOH SELEPAS SESEORANG PEGAWAI BERHENTI DARI JAWATAN KERAJAAN DAN JIKA MEREKA ADA MENYIMPAN WANG HASIL RASUAH DI MASA ITU ORANG ITU BOLEH DIAMBIL TINDAKAN.

BPR JUGA BOLEH MEMERIKSA SESEORANG YANG MEMBUAT PERBELANJAAN LUAR BIASA SELEPAS 12 TAHUN IA BERHENTI DARI JAWATAN KERAJAAN. --- BERNAMA 2014/MK

PARLIMEN - RASUAH GULUNG 6 KUALA LUMPUR

SEMASA PERBAHASAN KETUA PEMBANGKANG, ENCIK LIM KIT SIANG MENDESAK KERAJAAN SUPAYA MELengkapKAN BADAN PENCEGAH RASUAH (BPR) DENGAN KUASA-KUASA DAN KEBEBASAN YANG SECUKUP-CUKUPNYA BAGI MEMBOLEHNYA MENJALANKAN SIASATAN DAN DAKWAAN TANPA TAKUT DAN MEMILIH KASIH.

WAKIL DAP PETALING ITU BERKATA TIDAKLAH MEMADAI DENGAN MENUKAR NAMA DARI BIRO SIASAT NEGARA (BSN) KEPADA BPR TETAPI BIDANG KUASA YANG DIBERIKAN ADALAH TERBATAS.

BELIAU MENDAKWA SEMENJAK 15 TAHUN YANG LALU, SEJAK PENUBUHAN BADAN PENCEGAH RASUAH DALAM TAHUN 1967 DAN DENGAN PENGGANTIANNYA OLEH BSN DALAM TAHUN 1973, RASUAH DI MEGARA INI TELAH MENJADI-JADI DAN LEBIH KETARA.

ENCIK LIM MENGGESA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MAMBERI PERTIMBANGAN YANG SERIUS UNTUK MENJADIKAN BPR SEBUAH BADAN BEROTONOMI YANG HANYA BERTANGGUNGJAWAP KEPADA PARLIMEN, SUPAYA DAPAT MENINGKATKAN KEBEBASAN TINDAKANNYA.

BELIAU JUGA MENCADANGKAN SUPAYA SEMUA PEGAWAI AWAM DAN PEMIMPIN-PEMIMPIN POLITIK DIDAKWA DI MAHKAMAH KERANA MELAKUKAN KESALAHAN RASUAH KERANA MEMILIKI HARTABENDA ATAU SUMBER-SUMBER KEWANGAN YANG TIDAK SEIMBANG DENGAN SUMBER PENDAPATANNYA YANG DIKETAHUI. -- BERSAMBUNG 2040/MK

PARLIMEN - RASUAH GULUNG 7 KUALA LUMPUR

DATUK HAJI ABU BAKAR UMAR (PAS-KOTA SETAR) YANG JUGA MENYOKONG RANG UNDANG-UNDANG TERSEBUT BERKATA PINDAAN ITU ADALAH MUSTAHAK DAN KENA PADA MASANYA DALAM USAHA KERAJAAN MEMEBENTERASKAN RASUAH, PERBUATAN DIKEJI OLEH AGAMA DAN MASYARKAT.

BELIAU MEMUJI PENTADBIRAN BARU 2M ATAS KESETIAAN DAN KEJUJURAN MEREKA UNTUK MEMERANGI MAKSIAT DURJANA ITU DAN MENCADANGKAN SUPAYA KERAJAAN BUKAN SAHAJA MENGHUKUM ORANG YANG MENERIMA RASUAH TETAPI JUGA ORANG YANG MEMBERI RASUAH. → n. 22

KETIKA MENYOKONG RANG UNDANG-UNDANG ITU BELIAU MENGESYORKAN SUPAYA PEGAWAI BPR HENDAKLAH DIBERI LATIHAN SECUKUP-CUKUPNYA SUPAYA MEREKA AKAN DAPAT MENJALANKAN TUGAS DENGAN LEBIH BERKESAN DAN LICIN.

+LAGI PUN MEMANDANGKAN KEADAAN ZAMAN YANG MODEN INI, KEGIATAN RASUAH PUN TURUT MENJADI SOFISTIKATED,+ DAN TANPA LATIHAN YANG SECUKUPNYA PEGAWAI-PEGAWAI ITU TIDAK DAPAT MEMBUKTIKAN BERLAKUNYA JENAYAH ITU. -- BERSAMBUNG 2048/MK

PARLIMEN - RASUAH GULUNG 8 KUALA LUMPUR

DATUK LEONARD LINGGI JUGAH (BN-KAPIT) PULA MENCADANGKAN SUPAYA KERAJAAN MENKAJI MASALAH RASUAH DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SUBUR DENGAN AKTIVITI ITU SERTA PUNCA YANG MENYEBABKAN PEGAWAI-PEGAWAI BERKENAAN MENERIMA RASUAH.

ENCIK CHAN TECK CHAN (BN-KOTA MELAKA) PULA MENYATAKAN BAHAWA NAMA BADAN ITU TIDAKLAH PENTING TETAPI YANG LEBIH PENTING IALAH KUASA YANG LEBIH UNTUK BADAN BERKENAAN MENJALANKAN TUGASNYA.

BELIAU JUGA MAHUKAN KERAJAAN MERAMPAS HARTA ATAU WANG DARI MEREKA YANG HIDUP LEBIH DARI PENDAPATAN MEREKA KECUALI MEREKA DAPAT MEMBUKTIKAN HARTA DAN WANG ITU DIPEROLEHI DENGAN JALAN YANG SAH.

HAJI IDRIS IBRAHIM (BN-SETAPAK) PULA MENCADANGKAN SUPAYA SEMUA PEGAWAI DAN KAKITANGAN BADAN PENCEGAH RASUAH (BPR) MENGANGKAT SUMPAH MENGIKUT CARA AGAMA MASING-MASING.

CARA YANG MENGGUNAKAN PSIKOLOGI INI AKAN MEMBOLEHKAN MEREKA MENJALANKAN TUGAS MENCEGAH RASUAH DENGAN ADIL DAN SAKSAMA, KATA BELIAU LAGI. -- BERSAMBUNG 2101/MK

B682

PARLIMEN - RASUAH GULUNG 9 KUALA LUMPUR

SEMENTARA ITU HAJI MOHAMED TAUFECK (BN-HILIR PADAS) PULA MENAFIKAN DAKWAAN PIHAK PEMBANGKANG BAHAWA KEJADIAN RASUAH BEGITU BERLELUASA DI SABAH DAN SARAWAK.

+INI ADALAH TIDAK BENAR KERANA PIHAK KERAJAAN NEGERI DAN BSN TELAH MENANGKAP ORANG-ORANG YANG TERLIBAT DALAM KEGIATAN TERSEBUT DAN TIDAK MEMBIARKAN MEREKA TERLEPAS DARIPADA MENGHADAPI KEADILAN,+ KATANYA.

DR. CHEN MAN HIN (DAP-SEREMBAN) PULA MENGGESA KERAJAAN SUPAYA MENGAMBIL LEBIH RAMAI PEGAWAI-PEGAWAI YANG BERPENGALAMAN DAN BERKELAYAKAN DALAM BIDANG ODIT, AKAUN DAN UNDANG-UNDANG UNTUK BERTUGAS DENGAN BPR.

KATANYA, INI AKAN MEMBOLEHKAN BPR MENJALANKAN TUGAS-TUGASNYA DENGAN LEBIH EFEKTIF DAN LICIN. -- BERSAMBUNG 2114/MK

PARLIMEN - RASUAH GULUNG 10 KUALA LUMPUR

DR. CHEN MENYERU BPR MENGAWASI PILIHANRAYA YANG DISEBUT SEBUT AKAN BERLANGSUNG PADA APRIL AKAN DATANG KERANA KONON YA TERDAPAT MENTERI YANG MUNGKIN MEMBERI WANG BAGI MENARIK LEBIH RAMAI PENGUNDI.

BELIAU JUGA MENGESYORKAN SUPAYA KERAJAAN NEGARA INI DAN KE

BELIAU JUGA MENGESYORKAN SUPAYA KERAJAAN MENGADAKAN PERJANJIAN ANTARA NEGARA DENGAN NEGARA BAGI MEMBOLEHKAN KERAJAAN INI MEMERIKSA AKAUN ORANG-ORANG TEMPATAN YANG DISYAKKI TERLIBAT DENGAN KEGIATAN RASUAH.

MENURUTNYA KERAJAAN AMERIKA SYARIKAT TELAHPUN MEMBUAT SESUATU PERUNDINGAN DIMANA IANYA BOLEH MEMERIKSA AKAUN ORANG-ORANG YANG TERLIBAT DALAM RASUAH MENYIMPAN WANG DALAM BANK-BANK DI SWEDEN. -- BERNAMA 2116/MK